

Aplikasi PenggunaBijak, Maklumat Memperkasa Pengguna

Penggunaan aplikasi merupakan kaedah atau pendekatan yang banyak digunapakai oleh agensi di sektor swasta dan tidak ketinggalan juga di sektor awam bagi memudahkan dan meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai. Begitu juga dengan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik telah memperkenalkan aplikasi PenggunaBijak pada tahun 2016, ke arah transformasi digital dengan menyalurkan maklumat di hujung jari bagi kemudahan orang ramai.

Apa dia aplikasi PenggunaBijak?

Dengan motto “Maklumat Memperkasa Pengguna”, aplikasi PenggunaBijak mengandungi maklumat-maklumat mengenai barangan yang dikawal harga seperti minyak masak, susu tepung anak damit, mengenai jualan murah dan diskaun yang ditawarkan oleh premis perniagaan, perkongsian mengenai perlindungan pengguna dan kemudahan bagi pengguna membuat aduan berhubung dengan amalan perniagaan yang tidak beretika.


Aplikasi ini diperkenalkan dengan tujuan untuk memudahkan pengguna dalam membuat keputusan pembelian dimana pengguna dapat membuat perbandingan harga barangan yang terdapat di pasaran. Selain itu, maklumat mengenai keberadaan barangan tersebut juga dapat diperolehi dari aplikasi PenggunaBijak.

Di samping itu, ianya dihasratkan dapat memupuk dan menggalakkan amalan perniagaan yang beretika, telus dan bertanggungjawab di kalangan para peniaga serta mewujudkan persekitaran pasaran yang adil.

PenggunaBijak



- 01 Aduan pengguna
- 02 Senarai harga barangan dipantau harga
- 03 Senarai harga maksimum barangan dikawal harga
- 04 Perbandingan harga
- 05 Maklumat jualan murah dan diskaun
- 06 Garis panduan dan nasihat pengguna



MAKLUMAT DAN MANFAAT DARI PENGGUNAAN APLIKASI PENGGUNABIJAK

Maklumat mengenai barangan dikawal harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142.

Maklumat mengenai harga maksimum yang ditetapkan bagi minyak masak, susu tepung anak damit, beras, gula dan produk tenaga.




جايڤن ڦرانڱڻن ايڪونومي دان سٽاٽيسٽيڪ
 DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
 DEPARTMENT OF COMPETITION AND CONSUMER AFFAIRS
 MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

New on
PenggunaBijak

Latest
on-the-road prices
from car dealers

Now at your fingertips.

Compare prices to
plan your purchase.



On-the-road price may include vehicle registration fee, vehicle license, license plate, insurance premium or other mandatory fees charged by the dealer (e.g. service packages).


Available on the
App Store

GET IT ON
Google Play

Department of Competition and Consumer Affairs (DCCA)
 Level 3, West Wing, Block 2A, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, BA1311
 General enquiries: Talian Darussalam 123 | 2233344 ext. 345

Maklumat bagi perbandingan Harga

Maklumat berkaitan barangan keperluan harian yang mempunyai permintaan yang tinggi seperti minyak masak, tepung, makanan dalam tin, dan minuman ringan yang dikongsi oleh peniaga secara mingguan. Maklumat ini berguna bagi memudahkan pengguna membuat perbandingan harga diantara premis-premis perniagaan/syarikat.





جابتن فرانشغن ايكونومي دان ستاتيستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

LAPORKAN ISU PENGGUNA?

Hubungi JPHEP melalui



HOTLINE  **8333123**
Talian Darussalam 123



APLIKASI MUDAH ALIH
PenggunaBijak



EMEL
aduanpengguna@jpes.gov.bn

Jabatan Persaingan & Hal Ehwal Pengguna (JPHEP) di Jabatan Perancangan Ekonomi & Statistik menguatkuasakan Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), Perintah Persaingan & Akta Kawalan Harga

www.deps.gov.bn/cad | Tingkat 3, West Wing, Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, BA 1311

Maklumat mengenai harga barang makanan dan keperluan asasi

JPES memuatnaik maklumat berkaitan harga runcit bagi barangan makanan dan keperluan asasi yang dipantau seperti ayam, telur, sungkup muka, dan 4 pembersih tangan (hand sanitiser) dan kit Antigen Rapid Test (ART Kit). Maklumat senarai harga barangan makanan asasi dikemaskinikan pada setiap minggu.

Senarai harga barangan keperluan terpilih kini di aplikasi **PenggunaBijak**



Maklumat mengenai harga kereta

Menyenaraikan harga indicative on-the-road bagi kenderaan bermotor penumpang yang diperolehi daripada ejen-ejen kenderaan bermotor penumpang di Negara ini.

Maklumat mengenai acara Jualan Murah

Membolehkan pengguna untuk mengetahui syarikat-syarikat yang mengadakan acara jualan murah.

Maklumat mengenai bahan pendidikan Perlindungan Pengguna

Menyediakan bahan-bahan pendidikan dan pemberitaan mengenai perundangan berkaitan dengan hal ehwal pengguna berpandukan Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011 dan Akta Kawalan Harga, Penggal 142.

Aduan Pengguna

Menyediakan saluran rasmi atas talian bagi memudahkan pengguna untuk menyalurkan aduan dengan mudah dan cepat.

Apakah saranan dan nasihat JPES kepada orang ramai?

Orang ramai diseru untuk menggunakan maklumat-maklumat yang telah dimuatnaik di dalam aplikasi PenggunaBijak bagi meraih manfaat daripadanya. Dengan penggunaan maklumat di PenggunaBijak dapat memupuk budaya yang bijak dalam merancang perbelanjaan dengan membuat perbandingan harga sebelum membuat keputusan pembelian.

Selain itu, pengguna yang berpengetahuan dan bermaklumat juga dapat menyumbang dan mewujudkan sikap disiplin dan beretika di kalangan para peniaga yang seterusnya akan membantu memacu perkembangan sektor perniagaan runcit di negara ini.

Bagaimanakah pengguna dapat menyalurkan aduan?

Pengguna boleh menghubungi Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui:

- Aplikasi PenggunaBijak
- Talian Darussalam 123;
- WhatsApp ke 8333123;
- Emel : aduanpengguna@jpes.gov.bn.

Para pengguna dinasihatkan untuk menyimpan bukti pembelian seperti resit, kontrak dan dokumen yang relevan sebagai bukti bagi kemudahan rujukan bagi menyelesaikan aduan.

Gunakanlah aplikasi PenggunaBijak

Maklumat Memperkasa Pengguna

Jadilah Pengguna yang Bijak